

Teater Dongeng 1 Malam

TEATER Dongeng Satu Malam akan dipersembahkan pelajar Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Pentas Utama, Downtown Mines, Bangi, pada 13 Jun depan, jam 9.30 malam.

Penaung teater merangkap pensyarah subjek Lakonan dan Improvisasi, Milyana Arshadm, berkata *Dongeng Satu Malam* mengisahkan Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang yang tinggal bersama ayahanda Maharaja di negeri kayangan.

“Suatu hari ketika mereka

sedang menyanyi di taman kaya-
ngan, Puteri Santubong diculik Si
Musang dan Lelabah kerana mahu
membalas dendam. Pembaca yang
ingin mengetahui kesudahan
cerita Puteri Kayangan dan watak
lain dalam persembahan teater
ini datanglah memberi sokongan,”
katanya.

Teater ini dibuka kepada orang
ramai dan sesuai untuk semua
peringkat usia terutama kanak-
kanak yang kurang mendapat
peredahan terhadap kisah
dongeng lampau yang menarik
dan sarat pengajaran lagi meng-
hiburkan.